

## BAB V

### **HUATUAN - KE ARAH PERNYATUAN ORANG CINA, 1971-1984**

#### **5.1 Pengenalan**

Peristiwa 13 Mei 1969 menandakan wujudnya kecacatan tertentu dalam proses pembinaan negara-bangsa di Malaysia. Dalam hal ini usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani masalah perpaduan kaum ternyata tidak berhasil. Ini adalah kerana Malaysia mewarisi sebuah masyarakat majmuk yang memiliki berbagai bagai unsur perpecahan di kalangan kaum yang berbeza. Kesan penjajahan yang menghasilkan kumpulan etnik yang berbeza dari segi taraf ekonomi, pekerjaan, dan tempat tinggal telah menambahkan lagi unsur-unsur perbezaan semula jadi antara kaum. Dalam keadaan ini maka interaksi yang merentasi jurang kaum kurang berlaku dan setiap kaum hidup dalam kumpulannya yang tersendiri. Oleh itu prejudis kaum dan sentimen perkauman yang merupakan gugatan kepada perpaduan negara mudah terbentuk dalam keadaan yang demikian.

Sentimen perkauman yang tebal di kalangan kumpulan etnik, terutamanya orang Melayu dan orang Cina berpunca daripada perasaan tidak selamat antara dua kaum itu ( Tan 1987 : 112 ). Kekuasaan politik orang Melayu ditanggapi oleh orang Cina sebagai gugatan yang mampu mengancam kepentingan ekonomi mereka. Manakala penguasaan orang Cina terhadap ekonomi ini pula dilihat oleh orang Melayu sebagai kuasa yang boleh menggugat ketuanan politik Melayu. Milne ( 1981 : 207 ) berpendapat jalan keluar bagi mendapatkan keselamatan dalam situasi persaingan ini ialah melalui pengekalan hegemoni. Peletusan Peristiwa 13 Mei

sebenarnya memanifestasikan perasaan tidak selamat orang Melayu telah mencapai kemuncaknya dan ini kemudiannya mendorong elit politik Melayu bertindak dengan tegas untuk mencapai satu keadaan hegemoni. Dengan keadaan yang memihak kepada aspirasi dan kepentingan Melayu barulah perasaan tidak selamat itu dapat dilupuskan.

Hegemoni yang dicapai melalui kekuasaan politik orang Melayu digunakan oleh pemerintah sebagai alat untuk merealisasikan berbagai-bagai agenda perjuangan Melayu dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, dan budaya. Rancangan kerajaan yang terpenting ke arah itu ialah pelaksanaan DEB dalam tahun 1971. Walaupun dasar itu bermatlamatkan pencapaian perpaduan nasional namun pendekatannya yang bersifat komunal dan diskriminasi positif telah mendapat bantahan dan kritikan daripada golongan bukan Melayu. Hal yang demikian menyebabkan kesedaran etnik semakin meningkat di kalangan rakyat. Malah pelaksanaan DEB dikatakan menyumbang dan memperhebat gejala polarisasi kaum melalui penginstitusian perbezaan kaum dalam bentuk dikotomi bumiputera dan bukan-bumiputera ( Norma 1994 : 67 ).

Shaharuddin Maaruf ( 1988 : 155 ) menganggap kuasa yang menunjangi gerakan yang dilancarkan oleh elit politik Melayu dengan diterajui Tun Razak bagi membaiki nasib orang Melayu ialah nasionalisme kapitalistik. Nasionalisme yang ingin melihat pencapaian cita-cita ekonomi Melayu terus bertahan hingga hari ini. Dalam pada itu pula, Nasionalisme Melayu yang bersifat komunal ini sebenarnya menggalakkan perkembangan nasionalisme kaum-kaum lain yang terdapat di negara ini ( Tan 1987 ). Dalam keadaan ini maka nasionalisme komunal orang Cina mula

membentuk dan berkembang sebagai respons kepada dimensi baru dalam politik, ekonomi, pendidikan, dan budaya di Malaysia. Nasionalisme komunal orang Cina yang berkembang dan mendapat dukungan bertujuan mengawal hak dan kepentingan orang Cina agar tidak dihakis oleh hegemoni Melayu. Gerakan ini terjelma dalam bentuk perpaduan orang Cina sehingga menjadi satu kuasa yang mampu menandingi kekuasaan Melayu. Tema ini menjadi fokus perbincangan dalam bab ini.

## **5.2 Gerakan Perpaduan Orang Cina**

Rusuhan kaum 13 Mei 1969 merintis jalan kepada pemerintahan di bawah MAGERAN selama 21 bulan. MAGERAN yang didominasi oleh elit politik Melayu<sup>1</sup> telah melaksanakan dasar-dasar yang memihak kepada orang Melayu. Pada waktu itu rata-rata orang Melayu melihat bahawa jentera pemerintahan itu sebagai penyelamat kepada ancaman yang mendepani orang Melayu. Oleh yang demikian terdapat desakan daripada orang Melayu supaya pemerintahan MAGERAN diteruskan selepas Parlimen dipulihkan ( Vasil 1980 : 185 ). Secara keseluruhannya dalam senario baru ini orang Melayu didapati bertindak dan bergerak dengan cepat ke arah penyatuan di bawah penggembangan MAGERAN. Manakala orang Cina pula mengambil masa yang lebih lama untuk pulih daripada kesan rusuhan kaum itu. Masyarakat Cina dilanda kebingungan dan kebimbangan tentang masa depan mereka di negara ini. Sementara keengganan MCA menyertai kabinet sejurus selepas rusuhan itu memberi tamparan hebat kepada orang Cina.

---

<sup>1</sup> Organisasi itu dianggotai 9 orang ahli dan hanya 2 orang bukan Melayu dilantik, iaitu Tan Siew Sin ( Menteri Tugas-tugas Khas ) dan V.T. Sambanthhan ( Menteri Kerja Raya, Pos, dan Telekom ).

Dalam pemerintahan MAGERAN beberapa dasar yang mengakis kepentingan dan yang dianggap menimbulkan keimbangan komuniti Cina dilaksanakan. Umpamanya dalam bulan November 1969 Menteri Dalam Negeri, Dr. Ismail Abdul Rahman mengumumkan bahawa kerajaan akan menjalankan semakan semula hak kerakyatan yang diberi di bawah Perkara 30 Perlembagaan Malaysia. Menurut perangkaan terdapat sejumlah 27,7100 orang rakyat yang kebanyakannya merupakan orang Cina memperoleh kerakyatan melalui peruntukan tersebut. Dalam proses semakan itu sejumlah 18,1160 orang telah hilang kerakyatan mereka ( Means 1976 : 400 ). Sistem permit kerja yang baru diperkenalkan pula mensyaratkan penduduk bukan warganegara perlu memiliki permit kerja. Selain itu Regimen Askar Melayu Diraja juga diperbesarkan. Manakala mulai tahun 1970 bahasa pengantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris ditukar kepada bahasa Melayu. Apabila Parlimen dipulihkan, DEB pula dilancarkan untuk membaiki taraf ekonomi orang Melayu.

Walaupun dasar-dasar di atas nampaknya “mengetepikan” masyarakat Cina, namun respons komuniti itu terhadapnya masih kurang. Keadaan ini berkait rapat dengan kelembapan dan kelesuan MCA selepas rusuhan kaum itu. Ini bermakna tanpa dukungan dan penggembangan parti itu, kaum Cina sebenarnya seolah-olah dilanda kebingungan terutamanya dalam tempoh masa yang dianggap genting itu. Sungguhpun pengumuman bahawa Parlimen akan dipulihkan dalam bulan Februari 1971 tetapi kejumudan MCA masih berterusan. Ini telah mendorong Dr. Ismail membuat kenyataan pada 17 Januari 1971 bahawa UMNO sanggup berpisah dengan MCA dan MIC yang “hidup segan mati tak mahu”. Peringatan Timbalan Perdana

Menteri itu memberi kesan yang mendalam terhadap MCA dan menjadi pemangkin kepada mobilisasi politik yang baru di kalangan orang Cina ( Heng 1988 : 265 ).

### **5.2.1 Kesedaran ke Arah Perpaduan Orang Cina**

Amaran yang dianggap mengaibkan itu mendorong Presiden MCA, Tan Siew Sin untuk mereformasikan parti itu. Antara langkah yang dilakukan ialah membawa masuk pelapis muda ke dalam parti agar melakukan reformasi dari dalam dan berusaha menjalin semula hubungan serta kerjasama dengan Huatuan<sup>2</sup> ( Cheah 1984 :181 ). Menerusi strategi kedua itu, parti itu menggalakkan penganjuran pertemuan pemimpin-pemimpin Huatuan. MCA berharap penganjuran aktiviti yang demikian akan menyatupadukan semua orang Cina di bawah parti itu sebagai kuasa politik orang Cina yang berpengaruh. Dengan dukungan dan galakan parti itu, satu pertemuan yang bersejarah untuk pemimpin-pemimpin Huatuan telah dianjurkan di Kuala Lumpur pada 7 Februari 1971. Pertemuan itu menandakan kelahiran Gerakan Perpaduan Orang Cina.

Penganjuran pertemuan itu diketuai oleh Alex Lee, seorang pemimpin muda Huatuan dan anak kepada H.S. Lee, seorang tokoh veteran MCA. Pertemuan tersebut telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada para pemimpin Huatuan di seluruh Semenanjung Malaysia yang jumlahnya mencecah 1000 orang. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Cina ingin mencari jalan keluar daripada kemelut yang melanda mereka. Tan Siew Sin yang berucap dalam pertemuan itu menyeru orang Cina supaya

---

<sup>2</sup> Hubungan antara MCA dengan Huatuan dalam tahun 60-an memperlihatkan ketegangan dan keretakan. Ini adalah kerana MCA tidak sehaluan dengan Huatuan dalam isu bahasa dan

bersatu padu di bawah payung MCA dan beliau bersedia melepaskan jawatan Presiden parti sekiranya kaum Cina menganggapnya sebagai penghalang kepada pencapaian perpaduan ( Morais 1972 : 224 ).

Sungguhpun pemimpin-pemimpin komuniti Cina bersetuju dengan pendirian MCA bahawa perpaduan orang Cina adalah penting namun kebanyakan daripada mereka tidak menganggap MCA sebagai alat bagi mencapai perpaduan ( Loh 1982 : 12 ). Hal yang demikian telah mendorong para pemimpin Huatuan menubuhkan satu badan yang baru dan berasingan, iaitu *Malaysian Chinese Liason Committee for National Unity* dalam pertemuan pertama itu.

Jawatankuasa perhubungan yang ditubuhkan itu terdiri daripada 10 orang ahli yang merupakan pemimpin komuniti Cina, tokoh peniaga, aktivis pendidikan Cina, dan profesional yang berpendidikan Inggeris. Antara tokoh yang penting ialah Alex Lee ( pengurus ), Sim Mow Yu, Choong Han Leong, Too Chee Cheong, dan Koo Eng Kuang. Namun kesemua mereka bukan ahli MCA ( Ibid. ). Pembentukan jawatankuasa itu menunjukkan para pemimpin Huatuan menolak gagasan perpaduan orang Cina yang ditaja oleh MCA. Sebaliknya sejak penubuhannya, badan itu sudah memiliki visi untuk berperanan sebagai pelindung kepada kepentingan orang Cina, pemantau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan menjadi pengantara untuk masyarakat Cina dengan kerajaan ( Cheah 1984 : 189 ; Loh 1982 : 12 ).

---

pendidikan Cina. Pemecatan Sim Mow Yu, Naib Ketua Pemuda MCA dan pengurus Jiaozong dari parti itu dalam tahun 1966 membuktikan hakikat tersebut.

Gerakan Perpaduan Orang Cina yang bertitik tolak dari kebimbangan dan dilema komuniti sudah tentu bersifat komunal. Walau bagaimanapun jawatankuasa tersebut didapati berhati-hati dalam hal ini. Badan itu menekankan bahawa matlamat akhir perpaduan orang Cina adalah untuk menjalin kerjasama dengan kaum lain bagi mencapai perpaduan nasional. Pendirian ini dapat dilihat melalui perisytiharan yang dibuat dalam pertemuan pertama yang berlangsung di Kuala Lumpur. Perisytiharan tersebut yang mengandungi 6 perkara, antaranya menyeru orang Cina bersatu padu demi memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada perpaduan negara. Para perwakilan juga membuat deklarasi bahawa kesamarataan hak dan kebebasan setiap rakyat merupakan sesuatu yang suci dan tidak harus dicabuli. Perisytiharan itu juga mengikrarkan taat setia orang Cina yang tidak berbelah bagi terhadap negara dan bekerjasama dengan kaum-kaum lain demi mengekalkan peluang yang sama untuk semua kaum dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan politik negara.

Gerakan perpaduan itu semakin mendapat momentum selepas pertemuan pertama. Tiga lagi pertemuan dianjurkan dalam tahun 1971 , iaitu di Ipoh ( 18 Februari ), Seremban ( 14 Mac ), dan Pulau Pinang ( 24 April ). Bilangan perwakilan yang menyertai perjumpaan di Ipoh dan Seremban masing-masing mencecah 5000 dan 10,000 orang. Gerakan itu ternyata berjaya mempengaruhi sentimen orang Cina supaya bersatu dan bergerak ke arah penyatuan. Dalam pada itu parti MCA yang gagal mempengaruhi gerakan itu supaya bersatu di bawah pimpinan MCA terus

melibatkan diri walapun terdapat bantahan dari dalam parti itu<sup>3</sup>. Pemimpin-pemimpin mereka yang diketuai Tan Siew Sin terus menghadiri ketiga-tiga pertemuan yang dianjurkan selepas perjumpaan pertama. Hal yang demikian menunjukkan terdapat dua kuasa yang bersaing untuk menerajui gerakan tersebut. Kuasa yang mewakili MCA mahu menggunakan perpaduan orang Cina sebagai alat bagi menguatkan parti ; manakala kuasa Huatuan yang diketuai Alex Lee pula menganggap perpaduan orang Cina harus menjangkaui batasan parti politik ( Ho 1998 : 89 ).

Dalam hal ini kuasa Huatuan ternyata lebih berjaya dalam meraih sokongan masyarakat Cina. Dengan perkembangan ini maka gerakan itu kemudiannya muncul sebagai satu kuasa yang berpengaruh dan berkemungkinan besar untuk menggantikan tempat MCA sebagai wakil politik orang Cina di negara ini. Kecenderungan ini dipersepsi oleh sesetengah pemimpin MCA sebagai gugatan terhadap kedudukan mereka dan juga ancaman yang mampu menghancurkan parti. Ini telah mendorong cubaan tokoh-tokoh MCA bagi mengambil alih gerakan itu ( Ting 1984 : 20 ). Perkembangan yang demikian sudah pasti meletakkan dua kuasa yang bersaing itu dalam satu landasan pertembungan.

### **5.2.2 Gerakan Perpaduan Orang Cina Diambil Alih MCA dan Kelenyapannya**

Pertentangan dan pertembungan akhirnya meletus apabila jawatankuasa perhubungan yang diterajui Alex Lee mengumumkan pada 14 April 1971 bahawa usaha sedang dijalankan bagi mendaftarkan jawatankuasa tersebut sebagai satu

---

<sup>3</sup> Antara pemimpin MCA yang membantah dengan keras ialah Khaw Kai Boh, Timbalan Presiden dan T.H. Tan, ketua setiausaha eksekutif parti dan seorang ahli jawatankuasa pusat. T.H. Tan telah meletakkan semua jawatannya dalam parti bagi menunjukkan bantahannya.

pertubuhan politik yang tidak partisan ( Loh 1982 : 13 ). Perkembangan ini jelas menunjukkan para pemimpin Huatuan ingin membawa orang Cina ke satu hala tuju yang baru dan menyatukan mereka di bawah pertubuhan baru. Ini amat bercanggah dengan pendirian MCA. Tan Siew Sin sangat kecewa dan membantah usaha itu serta mengeluarkan kenyataan rasmi dua hari kemudian dengan memberi amaran :

The move to register the Chinese Unity Movement could, therefore, cause confusion in the minds of the Chinese. It could lead to disunity rather than unity. Equally important, create suspicion in the minds of other communities, particularly the Malays.

( Morais 1972 : 287 )

Amaran dan kritikan Tan Siew Sin itu menandakan permulaan satu cabaran getir kepada para pendukung gerakan perpaduan. Satu hari selepas amaran itu, iaitu pada 17 April 1971, dua orang pemimpin gerakan, Sim Mow Yu dan Koo Eng Kuang ditahan oleh pihak polis di bawah Akta Hasutan 1971. Mereka dituduh menghasut dan mengeluarkan ungkapan yang sensitif ketika berucap di pertemuan gerakan perpaduan yang berlangsung di Ipoh. Tangkapan tersebut memberi tamparan yang hebat kepada gerakan itu. Apa yang lebih buruk lagi ialah Tan Siew Sin kelihatan telah menarik balik permaungan dan perlindungannya kepada gerakan itu.

Perkembangan ini kemudiannya mendorong pemimpin-pemimpin UMNO mempersoalkan tujuan gerakan itu.<sup>4</sup> Umpamanya Tunku Abdul Rahman dan Senu

---

<sup>4</sup> Orang Melayu dan pemimpin mereka pada mulanya tidak bersikap demikian. Ini dapat dilihat dalam lidah pengarang akhbar *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* yang bertarikh 9 Februari

Abdul Rahman, setiausaha UMNO pada ketika itu turut membantah pendaftaran gerakan itu. Manakala pemimpin UMNO yang lain seperti Harun Idris, Syed Nasir Ismail, dan Ghafar Baba pula mengkritik dengan lebih pedas dan melabelkan gerakan itu bersifat cauvinistik ( Loh 1982 : 14 ). Ini berlaku kerana beberapa orang pemimpin gerakan itu dikatakan mula mempersoalkan hak istimewa orang Melayu.

Bantahan dan kritikan para pemimpin UMNO itu membayangkan kecurigaan mereka terhadap gerakan itu. Mereka mula membimbangi perkembangan gerakan itu merupakan natijah daripada pertumbuhan nasionalisme komunal Cina yang mampu mengganggu-gugat keselamatan negara ( Guo 1980 : 109 ). Dengan perkembangan itu maka pendaftaran gerakan perpaduan telah ditolak oleh pihak berkuasa. Berikutan itu gerakan yang mendapat sambutan hangat orang Cina pun terkubur begitu sahaja. Lenyapnya gerakan yang pernah membawa harapan tinggi kepada kaum Cina amat menghamparkan di kalangan orang Cina. Kekecewaan yang memuncak ini dapat dilihat dalam reaksi yang ditunjukkan oleh seorang guru sekolah Cina yang disanjungi :

There would come a time when our grand-children  
and their grand children after them will spit at the  
graves of those so called leaders who smashed the  
unity movement.

( Pillai 1971 : 14 )

Gerakan perpaduan yang mendapat sambutan hangat hanya dapat bertahan selama tiga bulan dan terkubur secara mendadak sudah pasti ada sebab-musababnya.

---

1971 masing-masing dengan judul yang berbunyi "Semangat Baru dalam Masyarakat Cina" dan "Jalan Membangunkan Semula Wibawa MCA".

Menurut Ting Chew Peh ( 1976 : 219 ) dan Mauzy ( 1983 : 43 ) gerakan itu sebenarnya disabotaj oleh "old guards" seperti Lee San Choon dan Kam Woon Wah dalam MCA. Pendapat ini boleh diterima memandangkan para pemimpin gerakan tersebut berhasrat membawa gerakan itu ke satu hala bertentangan dengan kepentingan MCA yang bakal memudaratkan survival parti itu. Keadaan ini sudah pasti mendorong pemimpin-pemimpin MCA bertindak ke atas gerakan tersebut agar ia secocok dengan perjuangan parti. James C.C. Yang ( 1982 : 266 ) berpendapat MCA sebenarnya berusaha keras mengambil alih gerakan perpaduan orang Cina.<sup>5</sup> Ini dapat dilihat dalam pengakuan yang dibuat oleh Tan Siew Sin dalam tahun 1972 :

... gerakan ini sebenarnya tidak lenyap begitu sahaja kerana sejak pembentukannya, sudah ada persetujuan bahawa gerakan itu pada akhirnya mesti diterajui oleh MCA ....  
Oleh yang demikian sudah tentu dalam proses ke arah perpaduan, gerakan itu akan berundur dalam sesuatu tahap masa bagi memberi laluan kepada MCA untuk memimpinnya.

( Ibid : 268 )

Hayat Gerakan Perpaduan Orang Cina begitu singkat dan gagal mencapai matlamatnya untuk melindungi hak dan kepentingan kaum Cina. Namun gerakan tersebut telah menampilkkan kesan sampingan tertentu yang telah mempengaruhi masyarakat Cina. Dengan penganjuran gerakan itu, kekecewaan, keimbangan, kebingungan, dan kelembapan dalam bertindak yang melanda komuniti Cina selepas Peristiwa 13 Mei telah bertukar wajah. Gerakan itu mencetuskan kesedaran politik

---

<sup>5</sup> Berikut pengambilalihan itu, MCA mengeluarkan sebuah manifesto perpaduan orang Cina yang berjudul "MCA Unity Manifesto - Chinese Unity for Malaysian Unity" dalam bulan Ogos 1971. Untuk keterangan lanjut tentang manifesto itu, lihat Loh ( 1982 : 89-93 ).

orang Cina agar bersatu padu demi mendepani senario baru politik negara kita. Penyatuan dilihat sebagai jalan keluar kepada klemelut orang Cina. Mereka tidak lagi pesimistik malah mereka rancak membincangkan masa depan mereka di negara ini. Melalui gerakan tersebut pemimpin-pemimpin Huatuan kembali menuntut kesamarataan hak bagi setiap kaum di negara ini.

Selanjutnya gerakan itu memperlihatkan pembentukan bibit-bibit yang progresif dalam perjuangan Huatuan ke arah pengawalan kepentingan orang Cina. Usaha MCA untuk memperalat gerakan itu demi kepentingan politiknya mendorong kelahiran gagasan “Above Political Parties But Not Above Politics” yang kemudiannya menjadi pegangan Huatuan untuk tempoh-tempoh masa seterusnya. Penubuhan sebuah jawatankuasa perhubungan yang berpisah dari MCA sejak awal lagi bagi menerajui gerakan jelas membuktikan bahawa perjuangan Huatuan harus menjangkaui parti politik.

Pendirian ini diambil oleh para pemimpin Huatuan memandangkan MCA tidak dapat mewakili semua suara orang Cina. Penguasaan parti itu terhadap gerakan perpaduan dianggap boleh menyebabkan gerakan tersebut tidak dapat memperjuangkan kepentingan untuk semua lapisan masyarakat Cina. Walau bagaimanapun kesedaran yang wujud itu tidak dapat menyaingi kemaraan dan penguasaan MCA. Dengan perkembangan ini maka MCA sebenarnya membuka satu episod baru dalam penguasaannya terhadap Huatuan demi kepentingan politiknya.

Kejayaan MCA mengambil alih gerakan perpaduan berkait rapat dengan usaha Tan Siew Sin mereformasikan parti itu. Pemimpin tertinggi itu menggalakkan tokoh-tokoh gerakan perpaduan seperti Alex Lee, Lim Keng Yek, Tan Tiong Hong, dan Paul Leong supaya menggunakan MCA sebagai wadah untuk perjuangan politik dan melakukan reformasi ( Cheah 1984 : 195 ). Kemasukan pemimpin-pemimpin muda ini ke dalam MCA memberi nafas baru dan kedinamikan kepada parti. Perkembangan ini sekali gus menukar imej MCA yang “lembap” itu. Namun penyertaan para pemimpin muda itu juga membawa padah kepada MCA. Perebutan kuasa telah berlaku dan Tan Siew Sin terpaksa menyingkirkan golongan muda tersebut dari parti dalam tahun 1972.<sup>6</sup>

### **5.3 Pernyataan dalam Pergerakan Huatuan**

Penglibatan Huatuan dalam Gerakan Perpaduan Orang Cina menunjukkan bahawa persatuan-persatuan Cina mampu memainkan peranan dalam mencetuskan kesedaran politik dan mobilisasi tenaga masyarakat Cina. Walaupun gerakan itu berjaya diambil alih oleh MCA, namun aspirasi-aspirasi pemimpin Huatuan untuk melindungi hak dan kepentingan masyarakat Cina telah menemui kebuntuan. Desakan untuk berbuat demikian adalah kuat merandangkan komuniti Cina terus ditimpa kemelut dan dilema dalam senario politik pasca-Peristiwa 13 Mei. Oleh itu para pemimpin Huatuan didapati melakukan penggabungan dan pengintegrasian dalam organisasi Huatuan supaya persatuan Cina dapat bergerak dengan lebih berkesan sebagai pelindung hak dan kepentingan komuniti yang diwakilinya

---

<sup>6</sup> Selepas penyingkiran kumpulan pemimpin muda tersebut telah mengambil keputusan menyertai parti Gerakan bagi meneruskan kerjaya politik mereka. Kebanyakan daripada mereka kemudiannya berjaya menjadi pemimpin penting dalam Gerakan.

### 5.3.1 Penubuhan DPC Negeri

Dalam ketiadaan satu pertubuhan induk dalam masyarakat Cina, ACCCIM terus memainkan peranan aktif dalam memperjuangkan kepentingan orang Cina selepas kemerdekaan Malaysia. Akibat perjuangan lantangnya, pertubuhan itu dilabel sebagai bersifat komunal dan cauvinistik ( Mahathir 1982 : 54 ). Malah pada tahun 1976, Pendaftar Pertubuhan menghantar surat amaran kepada ACCCIM supaya tidak terbabit dalam perjuangan isu bahasa dan pendidikan Cina dan pertubuhan itu perlu mengehadkan peranan mereka dalam bidang ekonomi sahaja ( Zeng 1998 : 185 ). Dengan perkembangan ini, pihak ACCCIM mengeluarkan arahan kepada CCC negeri menggesa mereka untuk menggerakkan penubuhan DPC di setiap negeri. Langkah ini diambil supaya terdapat pertubuhan lain yang menanggung perjuangan isu bahasa dan pendidikan Cina. Hal ini menyebabkan penubuhan DPC di kebanyakan negeri terlaksana menjelang dekad 80-an . Jadual berikut menunjukkan hakikat ini:

Jadual 5.1 Sejarah Penubuhan DPC Negeri Atas Desakan ACCCIM

Nama DPC	Tahun Penubuhan AJK Penaja	Tahun Penubuhan Rasmi
DPC Pulau Pinang <sup>7</sup>	1974	1976
DPC Terengganu	1976	1976
DPC Kelantan	1978	1981
DPC Negeri Sembilan	1978	1982
DPC Sarawak	1981	1983
DPC Pahang	1982	1985
DPC Kedah	1984	1986
DPC Perlis	1985	1989
DPC Melaka	1986	1988
DPC Sabah	1992	1994

Sumber: GPCM ( 1999 ).

<sup>7</sup> Dewan perhimpuan ini berasal daripada P'ing Chang Hui Kuan yang ditubuhkan pada tahun 1875. Namun pertubuhan ini menjadi tidak berfungsi selepas Perang Dunia Kedua dan pemulihannya hanya berlaku pada tahun 1974.

Pergerakan Huatuan menghadapi satu kejutan besar apabila Akta Pindaan Pertubuhan 1981 diluluskan oleh parlimen. Di bawah akta baru ini hanya dua jenis pertubuhan, iaitu pertubuhan politik dan pertubuhan sosial dibenarkan wujud dalam negara. Pertubuhan-pertubuhan yang sedia wujud diberi tempoh tiga bulan untuk membuat pemilihan bagi mendaftarkan pertubuhan mereka di bawah salah satu kategori. Ekoran daripada ini ACCCIM, DPCS, CCC Selangor, dan Dongjaozong telah menghantar bantahan kepada kerajaan. Di samping itu, DPCS, ACCCIM, dan Dongjaozong juga membentuk jawatankuasa penyelaras untuk membantu dan menggerakkan Huatuan bagi memohon menjadi pertubuhan politik. Dengan perkembangan ini, akta ini sebenarnya telah merintis jalan kepada penyertaan Huatuan dalam politik tanah air (Ho 1998 : 100).

### **5.3.2 Pembentukan Pertubuhan Induk 15 Huatuan**

Dalam tahun 70-an sudah wujud kesedaran di kalangan pemimpin Huatuan membentuk satu pertubuhan induk untuk menghadapi cabaran baru yang dibawa oleh kekuasaan Melayu. Pertubuhan yang bakal ditubuhkan itu menjangkaui politik dan pelbagai kekangan tradisional seperti pembahagian suku kaum dan pekerjaan. Pada bulan November 1974, DPC Perak menyarankan penubuhan pertubuhan induk ini (Wu 1984 : 112). Namun usaha ini tidak berjaya. Pengurus DPCS, Lee Yan Nian menghidupkan niat penubuhan ini kembali pada tahun 1978. Seruan tokoh itu mendapat sambutan yang baik tetapi usaha ini turut menemui kegagalan.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Punca utama kegagalan kali ini ialah penyuaraan pendapat pemimpin tersebut tentang orang Cina telah menjadi rakyat kelas kedua. Pendapat beliau itu telah dikritik keras oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketika itu. Lihat Cheah (1984 : 361 ).

Gagasan penubuhan ini hanya timbul kembali pada 19 September 1982. Pada tanggal itu, DPC-DPC negeri dan persatuan-persatuan gabungan yang bermesyuarat di Kuala Lumpur sebulat suara menyokong penubuhan satu pertubuhan induk dan Jawatankuasa Protom Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia ditubuhkan untuk menggerakkan penubuhan ini. Jawatankuasa ini menghantar permohonan rasmi kepada Pendaftar Pertubuhan pada tahun 1983. Penubuhan badan induk ini mengalami pelbagai rintangan dan berbagai-bagai usaha<sup>9</sup> dijalankan untuk menyeferakan kelulusannya. Malangnya pertubuhan ini hanya dapat ditubuhkan secara rasminya pada 13 Disember 1991, iaitu lapan tahun selepas permohonannya.

Sementara menunggu kelulusan penubuhan badan induk ini, pemimpin-pemimpin Huatuan telah mengorak langkah mengintegrasikan Huatuan di peringkat kebangsaan. Pada tahun 1983, sempena penganjuran Kongres kebudayaan Cina Pertama di Pulau Pinang, Huatuan yang bermesyuarat itu setuju membentuk satu organisasi longgar yang dikenali dengan nama 15 Huatuan. Pemimpin-pemimpin 15 Huatuan bersetuju mengadakan perjumpaan dan mesyuarat dari masa ke masa untuk mencapai pendirian bersama dan kata sepakat dalam isu berkaitan dengan kepentingan orang Cina. Dalam hal ini, 15 Huatuan dapat mengisi kekosongan sebuah badan induk dalam masyarakat Cina.

---

<sup>9</sup> Usaha-usaha ini termasuk dua orang pengurus DPCS bertemu dengan Pendaftar Pertubuhan untuk mengetahui punca kebuntuanya. Apabila Lim Geok Chan, seorang usahawan penyokong kerajaan menerajui DPCS pada tahun 1990, beliau mengambil beberapa langkah meleraikan kebuntuan ini. Ini termasuk menyeru kepada Timbalan Perdana Menteri waktu itu, Ghafar Baba untuk memberi bantuan. Malah pada 13 Jun 1991, beliau telah menghantar surat kepada Dr. Mahathir Mohamad supaya memberi perhatian kepada hal ini. Lihat GPCM ( 1999 : xi-xii ).

Peranan 15 Huatuan amat menonjol dalam perjuangan kepentingan orang Cina dalam dekad 80-an. Pada tahun 1983, organisasi ini telah mengajukan *Deklarasi Kebudayaan Huatuan Malaysia* ( DKHM ) dan mengemukakan *Memorandum Kebudayaan Kebangsaan* ( MKK ) kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Dua tahun kemudian, 15 Huatuan bersama 27 buah persatuan Cina yang lain menghasilkan satu lagi dokumen penting, iaitu *Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia 1985* ( PBPCM ).<sup>10</sup> Pada penghujung tahun 1985, 15 Huatuan menubuhkan "Civil Rights Committee" ( CRC ) untuk merealisasikan PBPCM ( Thock 1994 : 157 ). CRC merupakan satu jawatankuasa yang berpengaruh dan memainkan peranan yang aktif dalam pilihan raya tahun 1986 dan 1990 dengan mengajukan gagasan Sistem Dua Barisan. Selain itu, sebuah "think tank" untuk masyarakat Cina yang bernama *Huazi Resource & Research Centre* turut ditubuhkan oleh organisasi itu pada tahun 1985.

#### **5.4 Gerakan Pengkorporatan**

Peristiwa 13 Mei yang menyumbang kepada dimensi baru dalam politik Malaysia turut memperlihatkan peminggiran orang Cina dalam arus perkembangan ekonomi negara. Hal ini demikian kerana pelaksanaan DEB yang ditunjangi nasionalisme ekonomi Melayu nampaknya telah mengakis kepentingan ekonomi kaum Cina. Parti MCA yang selama ini memainkan peranan sebagai pelindung kepentingan ekonomi masyarakat Cina tidak berupaya memainkan peranan tersebut dalam senario baru politik negara selepas tahun 1969. Ini adalah kerana berlaku

---

<sup>10</sup> DKHM dan MKK akan dikupas dengan lebih lanjut dalam Bab ini, manakala PBPCM diteliti dalam Bab VI.

penghakisan kuasa politik MCA dalam kerajaan. Perkembangan ini mendorong pucuk pimpinan parti mencari jalan keluar untuk mengembalikan sokongan komuniti Cina terhadap MCA dan seterusnya menangani kemelut yang melanda parti itu. Formula yang diketengahkan itu ialah Gerakan Pemerkasaan Kendiri ( Self-Strengthening ) atau lebih dikenali sebagai Gerakan Pengkorporatan.

#### **5.4.1 Pembabitan MCA dalam Gerakan Pengkorporatan**

Pucuk pimpinan MCA menganggap dasar intervensi kerajaan dalam ekonomi negara melalui pembabitan syarikat pemegang amanah dan perbadanan awam itu akan meminggaikan ekonomi orang Cina apabila DEB tamat pada tahun 1990. Oleh itu peniaga-peniaga Cina perlu melakukan sesuatu bagi menyaingi syarikat-syarikat gergasi korporat Melayu tersebut. Namun kebanyakan perniagaan orang Cina bersifat kecil- kecilan dan berdasarkan keluarga. Umpamanya dalam tahun 1970/71, didapati 77% daripada syarikat Cina tidak memiliki modal yang cukup dan berintensifkan buruh serta merupakan perniagaan keluarga ( Heng 1992 : 135 ).

Keadaan demikian menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Cina ternyata masih ketinggalan dalam mendepani dimensi yang baru dalam ekonomi negara selepas pelaksanaan DEB. Dalam keadaan ini maka pengkorporatan perniagaan orang Cina dicanangkan sebagai satu-satunya penyelesaian kepada dilema ekonomi komuniti itu. Hal ini dapat dilihat dalam gagasan Tan Koon Swan, salah seorang peneraju dalam Gerakan Pengkorporatan :

They can corporatise their businesses or institutionalise their resources so that their operations can become big enough ... they have to pursue an aggressive initiative

in the spirit of self-reliance to achieve the targets of the “other-Malaysians” in the context of the NEP . . . This option saw the birth of MPH, which was launched as a model for the modernisation and corporatisation of chinese businesses to meet the changing needs of our society.

( Tan Koon Swan 1984 : 306 )

Modenisasi dan pengkorporatan perniagaan Cina mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan perniagaan keluarga. Ini dapat dilihat dalam jadual di bawah :

Jadual 5.2 : Faedah-Faedah Modenisasi Perniagaan

Aspek	Modenisasi	Perniagaan Keluarga
Modal	Keuntungan dan dana simpanan yang besar. Pelaburan semula dapat dijalankan.	Keuntungan dan dana simpanan kecil. Kekurangan modal untuk pelaburan semulan.
Sumber Modal	Pelaburan daripada masyarakat Cina	Perseorangan atau keluarga
Teknik	Kaedah saintifik ; peningkatan kaedah dari masa ke masa	Kaedah pengeluaran yang ketinggalan ; tiada peningkatan dalam teknik.
Pengurusan	Pengurusan <i>personel</i> yang profesional, berkemahiran tinggi dan sistematis	Keluarga mendominasi segala-galanya. Ketiadaan upaya mengguna pekerja yang terbaik.
Pemasaran	Keupayaan untuk berkembang dan mendominasi pasaran antarabangsa.	Kekangan oleh syarikat luar negara dan pembelian oleh syarikat korporat bumiputera. Keupayaan untuk berkembang tipis.
Idea	Terlibat dalam pelaburan jangka panjang yang pelbagai bagi memaksimumkan keuntungan.	Keuntungan jangka pendek dan tidak bervisi.

Sumber : Gale ( 1985 : 117 )

Dengan kelebihan pengkorporatan di atas maka pucuk pimpinan MCA pun mula menggerakkan gagasan tersebut. Penubuhan MPHB dalam tahun 1975 menandakan bermulanya Gerakan Pengkorporatan tajaan parti itu. Beberapa orang pengaruhnya, terutamanya Choo Ching Hwa, Tan Koon Swan, dan Kee Yong Wee menjadi penerajunya ( Yeoh 1987 : 109 ). Mereka melihat berbagai-bagai jenis persatuan Cina yang jumlahnya mencecah 4000 pada waktu itu boleh digembleng bagi menjayakan Gerakan Pengkorporatan. Pada tanggapan mereka aset dan kekayaan yang dimiliki oleh Huatuan itu jika dikumpulkan dalam bentuk syarikat pemegang dan pelaburan ( investment holding company ) akan menjadi kuasa ekonomi yang berpengaruh dan seterusnya dapat melindungi kepentingan ekonomi komuniti Cina.

Pelancaran MPHB dan Gerakan Pengkorporatan mempunyai kesan politik yang ketara. MPHB sebenarnya merupakan salah satu daripada lima rancangan Lee San Choon<sup>11</sup>, Presiden MCA yang baru menerajui parti itu pada tahun 1974. Pada waktu itu MCA masih belum pulih daripada kegawatan penyingkiran para pemimpin muda yang diketuai oleh Lim Keng Yek. Tambahan pula, penghakisan kuasa politik MCA selepas Peristiwa 13 Mei dan pembentukan BN terus membelenggu parti itu. Lee San Choon yang mengambil alih jawatan Presiden parti dalam keadaan yang demikian terpaksa berikhtiar untuk meraih sokongan masyarakat Cina demi memulihkan imej parti. Maka MPHB yang dilancarkan itu diharapkan dapat memberi satu bentuk kepimpinan ekonomi yang baru kepada komuniti Cina bagi menangani kebimbangan dan kebingungan mereka ( Gale 1985 : 118 ). Sambutan kaum Cina

---

<sup>11</sup> Manakala 4 rancangan yang lain ialah pembinaan ibu pejabat MCA yang baru, kempen mendapatkan ahli parti, pengembangan Kolej Tunku Abdul Rahman, dan pembinaan sebuah pusat kebudayaan Cina.

yang diberi kepada MPHB dan Gerakan Pengkorporatan membuktikan kejayaan MCA dalam hal ini.

#### **5.4.2 Gerakan Pengkorporatan dalam Aksi**

MPHB yang memainkan peranan sebagai model dan perintis kepada Gerakan Pengkorporatan turut memberi penerangan dan perundingan kepada Huatuan yang ingin menyertai gerakan itu. Untuk tujuan tersebut, MPHB menubuhkan *Business Modernization Centre* pada Oktober 1980 yang memberi khidmat perundingan secara percuma. Mulai Mac 1981 pusat itu mengendalikan kursus dan seminar tentang pengkorporatan dalam bahasa Cina dan Inggeris. Pada awal tahun 1984 pusat itu berjaya menganjurkan 200 buah seminar dan kursus yang membabitkan kira-kira 10,000 peserta ( Ibid. ). Kejayaan MPHB sebagai sebuah syarikat konglomerat pada peringkat awal menjadi perangsang kepada masyarakat Cina untuk menyertai arus pengkorporatan.

Gerakan Pengkorporatan direalisasikan melalui penubuhan syarikat pemegang dan pelabuhan serta koperasi. Pada mulanya persatuan-persatuan Cina dilaporkan lebap dalam menerima gagasan pengkorporatan. Namun mulai penghujung tahun 1981, sejumlah besar Huatuan dari jenis pekerjaan, dialek, dan kerabat merespons kepada seruan itu. Umpamanya Yeoh Kok Kheng ( 1987 : 117 ) menganggarkan terdapat sekurang-kurangnya 150 buah Huatuan mempunyai rancangan mendirikan syarikat pemegang dan pelaburan ataupun koperasi. Sejumlah 38 buah syarikat pemegang dan pelaburan telah ditubuhkan. Jadual di bawah menunjukkan taburan syarikat tersebut :

Jadual 5.3 : Bilangan Syarikat Pemegang &amp; Pelaburan Mengikut Jenis Huatuan

Jenis Huatuan	Bilangan
CCC	5
Pekerjaan	7
Persatuan Kerabat ( peringkat keluarga )	2
Persatuan Kerabat ( peringkat daerah )	13
Persatuan Kerabat ( peringkat wilayah )	2
Persatuan Alumni	4
Parti Politik ( MCA )	5
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>

Sumber : Yeoh ( 1987 : 125-127 )

Keghairahan komuniti Cina dalam menyahut seruan pengkorporatan meruapakan sesuatu yang luar biasa. Ini adalah kerana pengkorporatan sebenarnya bercanggah dengan amalan perniagaan orang Cina yang cenderung menjalankan perniagaan berdasarkan keluarga. Manakala Huatuan yang pada asasnya merupakan pertubuhan kebijikan pula tidak terbabit dalam perniagaan. Perkembangan yang demikian sudah tentu berkait rapat dengan milieu ekonomi negara pada ketika itu.

Gale ( 1985 : 118 ) mengenal pasti tiga punca yang merangsang keghairahan orang Cina dalam isu pengkorporatan. Perkembangan mampan dalam pasaran saham pada waktu itu menyakinkan orang Cina bahawa cara perniagaan yang baru itu mampu membawa kejayaan kepada mereka. Selanjutnya kebimbangan orang Cina terbentuk ekoran daripada pengambilalihan syarikat-syarikat asing oleh PERNAS dalam usaha merealisasikan cita-cita ekonomi Melayu tetapi apabila MPHb cuba berbuat demikian, kontroversi telah meletus. Ini mendorong komuniti Cina melihat pengkorporatan sebagai jalan keluar yang unggul bagi menghadapi kemelut ekonomi

mereka. Sementara itu, Akta Koordinasi Industri ( AKI ) yang diperkenalkan dalam tahun 1975 terus menghimpit usahawan-usahawan Cina.

Dari berbagai-bagai jenis Huatuan yang melibatkan diri dalam Gerakan Pengkorporatan, didapati pembabitan persatuan dialek lebih menonjol dan penting. Hampir setiap kumpulan dialek di negara ini menujuhkan syarikat pemegang dan pelaburan. Suku kaum Hokien telah mendirikan Hok Lian dan Fui Lian Holdings Sdn. Bhd. Kumpulan Hakka pula membentuk Kar Yin dan Hor Lian Holdings Sdn. Bhd. Manakala United Teochew Holdings Sdn. Bhd. ditubuhkan oleh suku kaum Teochew. Sementara itu Grand Ocean Development Bhd. dan Koperasi Mewah turut diasaskan oleh orang Hainan. Syarikat-syarikat ini menggunakan penyenaraian di bursa saham sebagai cara untuk mengumpulkan dana. Rata-rata orang Cina telah menjadi ghairah dengan pembelian saham natijah daripada kejayaan MPHB yang pada waktu itu muncul sebagai syarikat konglomerat terbesar di Bursa Saham Kuala Lumpur. Keadaan yang demikian mendorong komuniti Cina memberi sambutan hangat kepada syarikat-syarikat pemegang dan pelaburan tersebut.

ACCCIM yang merupakan persatuan peneraju dalam melindungi kepentingan ekonomi orang Cina juga tidak ketinggalan dalam arus pengkorporatan. Para pemimpin persatuan itu menganggap strategi pengkorporatan sebagai jalan keluar kepada penghakisan kepentingan ekonomi masyarakat Cina di bawah hegemoni Melayu. Persatuan gabungan itu menujuhkan sebuah syarikat pemegang dan pelaburan yang bernama UNICO pada 21 Mei 1981. Syarikat itu berjaya

mengumpulkan dana sebanyak RM 50 juta daripada orang Cina. Matlamat penubuhan syarikat tersebut ialah :

1. Membantu peniaga-peniaga Cina mendapatkan lebih banyak peluang perniagaan di bawah DEB,
2. Menyelaras aktiviti-aktiviti perniagaan yang dikendalikan oleh Huatuan,
3. Membantu pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana memodenkan perniagaan mereka,
4. Membantu peniaga-peniaga Cina menceburi dan membagunkan industri teknologi tinggi,
5. Membantu para usahawan Cina merebut peluang perniagaan di pasaran antarabangsa, dan
6. Mengatur dan menganjurkan latihan sumber manusia.

Matlamat-matlamat di atas jelas menunjukkan UNICO merupakan syarikat pemegang dan pelaburan tipikal yang memperjuangkan kepentingan ekonomi kaum Cina agar kedudukan ekonomi mereka tidak terhakis. Dalam keadaan ini maka Gerakan Pemerkasaan Kendiri yang bergerak di landasan kepentingan komunal sebenarnya mengundang pertikaian dan tentangan daripada elit politik dan ekonomi Melayu. Penggembangan dana kewangan orang Cina yang besar bagi membentuk syarikat konglomerat dan pelaburan dipersepsi oleh para elit Melayu sebagai ancaman kepada pencapaian cita-cita ekonomi Melayu. Nukilan di bawah memperincikan kecenderungan tersebut :

MPHB, like other MCA-inspired communally based economic instrument owned by Chinese associations, was regarded by many Malays with some misgivings. They felt that MCA's overt campaign to mobilize

Chinese economic resources along ethnic lines, if successful, would surely impede the NEP's objectives. Having been bested by MCA president Tan Siew Sin for more than a decade, Malay economic nationalists were no longer prepared to tolerate further MCA obstruction of their goals.

( Heng & Sieh Lee 2000 : 141 )

Keadaan yang demikian mendorong Heng Pek Koon ( 1992 : 135 ) membuat kesimpulan bahawa masalah asas yang mendepani syarikat-syarikat pemegang dan pelaburan orang Cina ialah kegagalan untuk memperoleh penaungan ( patronage ) dari kerajaan dan para elit politik Melayu yang berkuasa. Malah syarikat-syarikat tersebut turut mendapat layanan yang buruk daripada birokrat Melayu semasa pihak pengurus mengendalikan syarikat mereka ( Gale 1985 : 121 ). Kekangan-kekangan tersebut ditokok dengan kewujudan gejala rasuah dalam syarikat juga memberi tamparan kepada Gerakan Pengkorporatan.<sup>12</sup>

#### **5.4.3 Kelenyapan Gerakan Pengkorporatan**

Walau bagaimanapun kelenyapan gerakan tersebut tidak pula berkaitan secara langsung dengan tekanan dasar-dasar ekonomi kerajaan. Sebaliknya fenomena itu disebabkan oleh ketamakan sejumlah manusia yang diamanahkan untuk mengemudikan koperasi yang ditubuhkan di bawah Gerakan Pengkorporatan. Peletusan skandal Koperasi Penerima Deposit ( DTC ) dalam bulan Ogos 1986 telah

---

<sup>12</sup> Selain gejala rasuah, dua punca lain yang melemahkan Gerakan Pengkorporatan ialah keputusan pelaburan yang tidak bijak dan kekurangan sokongan yang diberi oleh ahli-ahli korporat Cina yang mapan, lihat Gomez ( 1999a : 92 ).

melumpuh dan seterusnya menguburkan gerakan itu<sup>13</sup>. Dalam skandal itu Bank Negara terpaksa mengambil langkah drastik dengan membekukan urusan 24 buah koperasi dan aset 136 orang pengarah dan pegawai koperasi yang terbabit pada 18 Ogos 1986 ( Gomez, 1991 : 57 ). Skandal itu berlaku setelah Bank Negara melakukan pemeriksaan mengejut terhadap Koperasi Belia Bersatu ( Kosatu ) pada 23 Julai 1986. Tindakan yang bertujuan menyiasat penyelewengan dalam koperasi itu telah mencetuskan satu gelombang kepanikan dalam komuniti Cina yang seterusnya mengakibatkan pengeluaran wang secara beramai-ramai oleh para pendeposit koperasi, yang kebanyakannya merupakan orang Cina.

Tindakan pembekuan terhadap 24 buah koperasi terpaksa diambil memandangkan pengeluaran beramai-ramai itu melibatkan jumlah wang yang sangat besar. Umpamanya sebuah koperasi telah membayar sebanyak RM 200 juta dalam tempoh 2 bulan sahaja dan ini melupuskan semua aset cair keperasi terbabit. Malah terdapat pengarah dari koperasi merayu kepada Bank Negara supaya membekukan semua urusannya kerana tidak berupaya menanggung pengeluaran wang lagi ( Ibid. : 56-57 ). Berikutan impak skandal DTC yang begitu mendalam, kerajaan terpaksa mengeluarkan satu Kertas Putih pada 10 November 1986. Punca-punca yang dikenal pasti menyumbang kepada skandal itu ialah kewujudan penipuan, konflik kepentingan, pinjaman yang disyaki, pengurusan yang tidak cekap, kekurangan pertanggungjawaban para pengarah, dan penyimpangan dari prinsip penubuhan koperasi ( Ibid. : 64 ).

<sup>13</sup> Untuk keterangan terperinci tentang pembabitan tokoh-tokoh MCA dalam skandal itu, lihat Gomez ( 1991 : 47-104 ).

Pergantungan komuniti Cina dan Huatuan terhadap Gerakan Pengkorporatan dan beberapa orang tokoh penerajunya sebenarnya memanifestasikan dilema ekonomi orang Cina. Tanpa pernaungan dan bantuan kerajaan, masyarakat Cina terpaksa bergantung kepada usaha sendiri bagi mendepani kemelut itu. Kejayaan Tan Koon Swan dalam menerajui KSM dan MPHB telah membentuk keyakinan yang tuntas pada peringkat awal di kalangan orang Cina terhadap gerakan itu. Malah tokoh itu pernah diberi gelaran “Penyelamat Ekonomi Orang Cina” .

Walau bagaimanapun peletusan skandal DTC melenyapkan segala keyakinan komuniti Cina terhadap cara pengumpulan modal yang dicanangkan oleh tokok-tokoh MCA demi mencapai pengkorporatan dan kekuatan ekonomi ( Yeoh 1987 : 5 ). Natijah daripada skandal tersebut, kebanyakan koperasi diambil alih oleh syarikat-syarikat audit yang dilantik oleh kerajaan dan terus lopus dari arena ekonomi negara. Manakala syarikat-syarikat pemegang dan pelaburan milik Huatuan pula menjadi tidak aktif lagi. UNICO yang berperanan sebagai pelindung kepentingan ekonomi orang Cina terus beroperasi hingga kini. Namun prestasi dan impak syarikat itu terhadap ekonomi hanya bersifat sederhana dan tidak menonjol ( Heng 1992 : 137-142 ).

Lenyapnya Gerakan Pengkorporatan menampilkan satu episod sedih dalam usaha pemerkasaan kendiri masyarakat Cina. Usaha itu terpaksa diambil memandangkan parti MCA sukar memperjuangkan kepentingan ekonomi orang Cina melalui kerajaan selepas pelaksanaan DEB. Gerakan yang dilancarkan demi memenuhi tuntutan etnik ternyata mendapat sambutan komuniti Cina. Namun perkembangan dan permasalahan yang kemudiannya melanda Gerakan Pengkorporatan turut

menunjukkan kegoyahan ekonomi orang Cina sekiranya ia tidak mendapat perlindungan dan pernaungan kerajaan ataupun elit politik Melayu. Dalam hal ini kejayaan beberapa orang usahawan Cina, seperti Quek Leng Chan, Khoo Kay Peng, dan Vincent Tan yang memilih untuk bernaung di bawah kuasa elit politik Melayu pula memanifestasikan satu realiti pahit yang terpaksa ditempuhi oleh peniaga-peniaga Cina.

Pembabitan Huatuan dalam Gerakan Pengkorporatan banyak dipengaruhi oleh sentimen pemerkasaan kendiri yang bersifat komunal. Dalam hal ini pemimpin-pemimpin Huatuan kelihatan tidak mempunyai visi dalam menangani kemelut ekonomi orang Cina dan mereka hanya menjadi pengikut dalam arus pengkorporatan. Persatuan-persatuan Cina ini juga kekurangan kepakaran bagi mengurus syarikat pemegang dan pelabuaran yang melibatkan dana yang besar. Keadaan demikian mengekang keberkesanan syarikat-syarikat tersebut. Oleh itu hanya sejumlah syarikat yang memiliki hubungan dengan MPHB melalui pengarah atau urus niaga memperlihatkan kejayaan pada peringkat awal ( Gomez 1994 : 192 ). Skandal DTC telah memberi satu iktibar yang pahit kepada Huatuan dan oleh itu Huatuan tidak lagi melibatkan diri dalam perniagaan pada era-era seterusnya. Namun Huatuan terus memainkan peranannya melalui wahana politik bagi memperjuangkan kepentingan orang Cina dan saya mengalihkan perbincangan seterusnya ke aspek ini.

## **5.5 Gagasan Gabungan Tiga ( *Sanjiehe* )**

Era 1980-an menampilkkan cabaran yang lebih getir kepada masyarakat Cina. Selain pelaksanaan DEB yang mula memasuki satu dekad, pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan turut mencecah tempoh masa yang sama. Impak dasar-dasar ini berlanjutan dan didapati semakin menekan orang Cina dalam tahun 80-an. Hal yang demikian lebih ketara dalam isu pendidikan Cina.

### **5.5.1 Kelahiran Gagasan Gabungan Tiga**

Isu penolakan Universiti Merdeka oleh kerajaan dalam tahun 1978 dan seterusnya oleh Mahkamah Tinggi pada tahun 1981 telah menimbulkan kekecewaan dan bantahan komuniti Cina. Seterusnya masyarakat Cina juga dikejutkan dalam tahun 1980 oleh pengumuman kerajaan untuk melaksanakan Skim 3M di semua sekolah rendah. Masyarakat Cina meragui Skim 3M kerana menganggap program tersebut mampu mengubah bahasa pengantar di SJK(C). Kegawatan yang demikian mendorong Huatuan, terutamanya Dongjiaozong bagi mencari penyelesaian kepada kemelut tersebut.

Dongjiaozong yang menerajui gerakan pendidikan Cina mula menganggap bahawa segala dilema pendidikan Cina berpunca daripada kedudukan kuasa politik yang tidak seimbang. Keadaan ini mendorong lahirnya kesedaran di kalangan pemimpin Dongjiaozong supaya menyertai politik secara langsung demi memperjuangkan pendidikan Cina. Nukilan di bawah menggambarkan kesedaran itu :

Memandangkan suasana yang mendesak ini, pemimpin-pemimpin Dongjiaozong berpendapat bahawa strategi perjuangannya sebagai kumpulan pendesak sejak 30 tahun kebelakangan ini bukan sahaja tidak dapat mempertahankan hak dan kepentingan masyarakat Cina, malah kedudukan mereka bertambah merosot. Mereka sedar bahawa salah satu kelemahan ketara sebagai kumpulan pendesak ialah ketiadaan perwakilan politik dalam Parlimen untuk mempengaruhi penggubalan dasar-dasar kerajaan.

( Sia 1997 : 147-148 )

Dongjiaozong bagaimanapun hanya mampu memperjuangkan kepentingan kaum Cina secara tidak langsung kerana pertubuhan itu amat bergantung kepada wakil parti politik Cina untuk menyampaikan hasrat dan tuntutan mereka di dalam Parlimen dan kerajaan. Namun segala susah payah perjuangan itu tidak pula mendatangkan hasil yang diharapkan. Hakikat inilah yang memaksa para pemimpin Dongjiaozong mengambil langkah drastik dan nekad dengan menceburι bidang politik secara langsung. Pendirian ini jelas dicerminkan dalam kata-kata Sim Mow Yu, pengurus Jiaozong yang berbunyi : “... *only by being represented in Parliament can Chinese educationists play a more effective role.*” ( New Straits Times 20.4.1982 )

Dengan penglibatan dalam politik, pemimpin-pemimpin Dongjiaozong berharap akan dapat menyatukan kekuatan politik di kalangan parti politik Cina dalam kerajaan, di luar kerajaan ( parti pembangkang ), dan Huatuan sebagai satu gabungan politik yang mantap dalam memelihara dan memperjuangkan hak dan kepentingan komuniti Cina. Gagasan yang menyatukan tiga kuasa politik dalam masyarakat Cina

ini dikenali dengan nama Gabungan Tiga atau *Sanjiehe*.<sup>14</sup> Dongjiaozong berhasrat melihat penrealisasian gagasan tersebut agar matlamat akhirnya perpaduan bangsa Cina dapat dicapai ( Jiaozong 1987 : 598 ). Perjuangan perpaduan Cina yang ditunjangi rasa tidak selamat natijah daripada hegemoni Melayu sebenarnya berhasrat mencapai kesamarataan hak bagi orang Cina di negara ini. Dalam hal ini mobilisasi dan penyatuan kuasa politik Cina untuk mengatasi dilema politik kaum Cina merupakan suara hati masyarakat Cina pada waktu itu.

### **5.2.2 Gagasan Gabungan Tiga dan Pilihan Raya Umum 1982**

Sementara itu, sungguhpun pilihan raya umum telah dijadualkan berlangsung dalam tahun 1982, namun komuniti Cina masih terus dihimpit oleh berbagai-bagai masalah. Dalam keadaan ini maka pengurus Dongzong, Lim Fong Seng dalam mesyuarat bersama kali ke-13 antara Dongzong dengan pertubuhan gabungan peringkat negerinya pada 12 April 1981 telah mengumumkan buat kali pertama hasrat *Sanjiehe* itu ( Cheah 1984 : 440 ). Selanjutnya Loot Ting Yee, naib pengurus Jiaozong pula menjelaskan gagasan *Sanjiehe* dan strategi yang perlu diambil bagi merealisasikannya. Lima strategi yang dikenal pasti ialah :

1. Memahami bahawa *Sanjiehe* merupakan trend yang tidak boleh dihalang lagi,
2. Berpegang pada pendirian bahawa kepentingan bangsa dan negara menjangkaui kepentingan individu dan parti,

---

<sup>14</sup> Menurut Bock Tai Hee, Ketua Pegawai Eksekutif Dongjiaozong kelahiran gagasan politik itu dicetuskan oleh rancangan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan Skim 3M. Para pemimpin dan aktivis pendidikan Cina menganggap rancangan tersebut mampu menghakis identiti sekolah Cina dan seterusnya menghapuskannya, hasil interviu bertarikh 26 Disember 2001.

3. Berusaha mencari persamaan dalam prinsip dan bersedia mengakomodat perbezaan,dan menyelesaikan perbalahan dan pertentangan yang wujud dalam perjalanan sejarah,
4. Saling hormat menghormati dan bertoleransi, dan
5. Mengamalkan semangat musyawarah secara demokratik.

( Ibid. : 441 )

Perkembangan yang seterusnya menyaksikan Dongjiaozong berusaha untuk berdialog dan berunding dengan parti-parti politik Cina, iaitu MCA, Gerakan ,dan DAP. Berdasarkan hasil perundingan-perundingan itu, para pemimpin Dongjiaozong mengadakan pengundian secara tertutup bagi menentukan parti politik yang paling sesuai sebagai wahana penyertaan politiknya. Keputusan yang dicapai ialah majoriti pemimpin pertubuhan itu menyokong cadangan penyertaan politik melalui Gerakan, diikuti oleh penubuhan parti sendiri. Parti DAP menduduki tempat ketiga dan MCA langsung tidak memperoleh sebarang undi ( Sia 1997 : 148 ). Dalam pengundian itu hanya 3 daripada 20 lebih orang pemimpin pertubuhan menyokong cadangan penyertaan parti pembangkang manakala selebihnya menyokong cadangan penyertaan parti pemerintah. Dalam hal ini parti Gerakan menjadi pilihan pertama kerana parti itu menerima tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Dongjiaozong. Antaranya ialah :

1. Memastikan kewujudan SJK(C) selama-lamanya,
2. Menyokong permintaan dan hasrat bersama Huatuan terhadap Skim 3M,
3. Memperjuangkan layanan kerajaan yang adil dan saksama kepada semua aliran sekolah peringkat menengah sama ada sekolah menengah kebangsaan atau persendirian,

4. Mbenarkan dan menggalakkan penubuhan universiti yang dikendalikan oleh rakyat umum,
5. Mewujudkan kepelbagaian kebudayaan dalam masyarakat berbilang kaum,
6. Memansuhkan atau meminda Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961, dan
7. Menghapuskan sistem kuota dalam kemasukan universiti tempatan dan pemberian biasiswa kerajaan.

( Ibid. : 148 -149 )

Pilihan raya umum 1982 menjadi medan terbaik bagi Dongjiaozang melaksanakan gagasan *Sanjiehe*. Sekumpulan aktivis pendidikan Cina dalam Dongjiaozong yang diwakili oleh Kerk Choo Ting, Koh Tsu Koon, Kang Chin Seng, dan Ong Tin Kim mengambil keputusan menyertai Gerakan secara perseorangan menjelang pilihan raya itu. Walaupun tindakan yang diambil oleh kumpulan itu merupakan langkah individu perseorangan tetapi ia ternyata membawa impian dan mendapat restu pertubuhan itu. Misi yang diamanahkan oleh Dongjiaozong kepada kumpulan itu ialah “*Enter the Barisan, Modify the Barisan*” . Mereka diharap dapat menjadi wakil dalam Parlimen dan kerajaan untuk membahas, melarang, dan meminda dasar-dasar kerajaan yang tidak adil dan menghakis kepentingan komuniti Cina secara amnya dan pendidikan Cina secara khususnya.

Walau bagaimanapun pemilihan Gerakan sebagai wadah penyertaan politik telah menimbulkan reaksi negatif dalam MCA dan DAP. MCA tidak setuju dengan gagasan *Sanjiehe* dan oleh itu tidak menyokong tindakan yang diambil oleh kumpulan aktivis pendidikan Cina itu. Manakala DAP pula membantah terus gagasan tersebut. Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang dalam satu kenyataan akhbar berkata :

“DAP sedih terhadap perkembangan tersebut kerana tindakan demikian telah mencemari perjuangan yang dilakukan oleh parti kami terhadap pendidikan Cina, bahasa, dan kebudayaan selama 16 tahun” ( Cheah 1984 : 435 ). DAP turut menganggap strategi *Sanjiehe* sebagai “Tiga Lawan Satu” yang dilancarkan oleh Dongjiaozong dengan menggabungkan kuasa Gerakan dan MCA bagi menentang DAP ( Ibid. : 437 ). Dengan perselisihan yang demikian maka harapan murni Dongjiaozong untuk menyatukan kuasa politik Cina ternyata menemui jalan buntu.

Namun ujian yang lebih getir didapati menimpa gagasan *Sanjiehe* dengan pelancaran kempen pilihan raya umum 1982 dan pengumuman keputusannya. Dua orang pemimpin Dongjiaozong yang bertanding atas tiket Gerakan ditentang oleh calon kuat DAP. Kerk Choo Ting yang bertanding di kawasan Parlimen Kepong, Selangor dicabar oleh Tan Seng Giaw. Manakala Koh Tsu Koon yang mencuba nasib di kawasan Tanjung, Pulau Pinang pula ditentang oleh Tan Chin Ka.

Kempen pilihan raya di kedua-dua kawasan itu menjadi tumpuan masyarakat Cina di seluruh negara. Pemimpin-pemimpin Dongjiaozong yang penting seperti Lim Fong Seng, Sim Mow Yu, dan Loot Ting Yee telah bekerja keras dalam berkempen untuk meraih sokongan pengundi-pengundi Cina terhadap dua orang aktivis pendidikan Cina itu.<sup>15</sup> Persaingan yang sengit menyebabkan penyokong-penyokong DAP melemparkan tuduhan-tuduhan melampau terhadap dua orang calon itu dan

---

<sup>15</sup> Menurut Loot Ting Yee, kempen di kedua-dua kawasan yang ditandingi aktivis pendidikan Cina itu pada mulanya tidak mendapat sambutan daripada para pemimpin Huatuan, namun dengan penglibatan tokoh-tokoh pendidikan Cina di atas, suara-suara menyokong dua orang aktivis itu semakin menjadi rancak dan lantang, hasil interviu bertarikh 13 September 2001.

Dongjiaozong. Slogan seperti “Ahli Pendidik Cina Pengkhianat Bangsa Cina” dan “Tumpaskan Dongjiaozong Demi Memelihara Pendidikan Cina” telah dilaungkan di kedua-dua kawasan tersebut ( Jiaozong 1987 : 598 ). Tuduhan melampau yang demikian telah mencetuskan kemarahan para penyokong Dongjiaozong yang berada di seluruh negara.

Walaupun hanya Koh Tsu Koon menang di kawasan Tanjung tetapi pembabitan Dongjiaozong dalam pilihan raya umum kali ini berjaya mempengaruhi pola pengundian komuniti Cina keseluruhannya. Pola pengundian yang memihak kepada parti pemerintah ternyata dipengaruhi oleh seruan Dongjiaozong untuk menggunakan saluran pemerintah sebagai wadah memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina. Kemenangan cemerlang yang dicapai oleh MCA dan Gerakan dalam pilihan raya membuktikan hakikat ini.

MCA memenangi 24 kerusi Parlimen dan 55 kerusi DUN berbanding dengan 17 dan 44 masing-masing dalam pilihan raya umum tahun 1978. Manakala Gerakan memperoleh 5 kerusi parlimen daripada 7 yang dipertandingkan dan 15 kerusi DUN daripada 18. DAP pula mengalami kekalahan teruk dengan hanya dapat mengekalkan 6 kerusi Parlimen di Semenanjung. Daripada 129 kerusi DUN yang ditandingi, parti itu hanya mencapai kemenangan di 12 kawasan sahaja berbanding dengan 25 pada tahun 1978. Jadual berikut merumuskan prestasi parti-parti politik Cina :

Jadual 5.4 : Keputusan Pilihan Raya Parlimen 1982 : Jumlah Kerusi dan Undi yang Diperoleh Parti-Parti Politik Cina di Semenanjung Malaysia

Parti	Kerusi	Jumlah Undi	% Undi Popular
MCA	24 (28)	678,206	18.41
Gerakan	5 (7)	146,654	3.98
PPP	0	0	0
DAP	6* (56)	748,209	20.31

Sumber : *Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sarawak Tahun 1982*

Catatan :

1. Angka dalam ( ) merujuk kerusi yang ditandingi
2. \* : Tidak mengambil kira 2 kerusi di Sarawak dan 1 kerusi di Sabah yang dimenangi oleh parti itu.

Sementara itu kemerosotan prestasi DAP juga boleh diperlihatkan berdasarkan peratus undi dari keseluruhan kawasan Parlimen yang terdiri daripada majoriti pengundi Cina di Semenanjung Malaysia. Lazimnya kawasan-kawasan tersebut merupakan kubu kuat DAP dan menyumbangkan undi terbesar kepada parti itu. Namun dalam pilihan raya umum kali ini peratus undi DAP telah merosot dari 48.87% ( tahun 1978 ) kepada 46.69%. Manakala MCA dan Gerakan pula mencapai satu peningkatan yang signifikan, iaitu masing-masing bertambah dari 30.32% kepada 36.66% dan 10.39% kepada 12.98%. Jadual di bawah merincikan kecenderungan di atas :

Jadual 5.5 : Perbandingan Pencapaian Parti-parti Politik Berdasarkan Peratusan Undi yang Diperoleh di Kawasan Parlimen Majoriti Pengundi Cina dalam Pilihan Raya 1982.

Kawasan	MCA	Gerakan	DAP	Parti Lain
Pulau Pinang	31.19 ( 26.07 )	19.96 ( 16.93 )	47.94 ( 39.43 )	0.91 ( 17.57 )
Perak	34.70 ( 26.52 )	20.92 ( 14.93 )	41.42 ( 52.25 )	2.96 ( 2.91 )
Wilayah Persekutuan	26.47 ( 5.65 )	15.88 ( 14.43 )	56.75 ( 57.44 )	0.89 ( 22.48 )
Semenanjung Malaysia	36.66 ( 30.32 )	12.98 ( 10.39 )	46.69 ( 48.87 )	3.67 ( 9.33 )

Sumber : Cheah ( 1984 : 444 )

Catatan : Angka dalam ( ) merujuk peratusan undi yang diperoleh dalam pilhan raya 1978.

Prestasi buruk DAP dalam pilihan raya umum memerlukannya para pemimpinnya. Mereka menuduh pembabitan Dongjiaozong sebagai punca kekalahannya. Hal yang demikian menyebabkan parti itu bukan sahaja bermusuhan dengan MCA dan Gerakan malah Dongjiaozong turut dimusuhinya. Dengan perkembangan ini maka kuasa politik komuniti Cina semakin berpecah dan ini sudah tentu menyimpang daripada matlamat yang diperjuangkan oleh pertubuhan itu melalui gagasan *Sanjiehe*. Kekalahan teruk DAP turut mengakibatkan kuasa pembangkang terhakis dan hal ini seterusnya menyebabkan kuasa untuk mengekang kekuasaan BN juga terjejas.

### 5.5.3 Kegagalan Gagasan Gabungan Tiga

Sungguhpun kuasa politik masyarakat Cina dalam BN telah bertambah dan buat pertama kali Dongjiaozong memiliki wakil dalam parti pemerintah, tetapi kepentingan kaum Cina didapati turut terhakis. Ini dapat dibuktikan dengan penggubalan beberapa dasar kerajaan yang menggugat hak dan kepentingan orang Cina selepas tahun 1982. Antaranya ialah rancangan pembangunan Bukit China di Melaka ( 1984 ), Rancangan Sekolah Integrasi ( 1985 ), dan penggunaan bahasa Melayu dalam perhimpunan dan upacara rasmi di SJK(C) ( 1984 ). Kecenderungan ini menunjukkan kehadiran wakil Dongjiaozong tidak berupaya meminda dan menyekat penggubalan dasar-dasar yang merugikan komuniti Cina. Oleh itu matlamat untuk “Modify the Barisan” ternyata gagal sepenuhnya.<sup>16</sup> Malah para pemimpin Dongjiaozong menuduh kumpulan aktivis pendidikan Cina yang menyertai Gerakan telah “diperbetul” oleh BN lantaran perjuangan mereka menyeleweng dari landasan Dongjiaozong.

Mengapakah keadaan ini berlaku ? Dengan kegagalan tuntas itu kita dapat membuat penilaian bahawa strategi *Sanjiehe* dilancarkan tanpa pertimbangan yang wajar dan teliti. Pemikiran pelopor-pelopor *Sanjiehe* menggunakan beberapa orang wakilnya untuk mengekang kekuasaan BN yang didominasi oleh UMNO adalah tidak matang. Mereka seolah-olah tidak mengetahui bahawa badan pemerintah itu

---

<sup>16</sup> Pemimpin-pemimpin Dongjiaozong beranggapan demikian tetapi kumpulan aktivis pendidikan Cina dalam Gerakan tidak menyentujunya. Mereka menyenaraikan beberapa pencapaian yang telah diperoleh, antaranya termasuk : 1. Mengkekalkan status quo SJK(C) di bawah Skim 3M, 2. Menentang pelanjutan DEB, 3. Menyelesaikan isu penggunaan bahasa Melayu dalam perhimpunan di SJK(C) di Wilayah Persekutuan, 4. Membantah persempadanan semula kawasan pilihan raya yang tidak demokratik, 5. Membantah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan menghantar memorandum kebudayaan, 6. Membantu menyelesaikan isu Bukit China, dan 7. Membantu menyelesaikan isu rancangan Sekolah Integrasi, lihat Sia ( 1997 : 152 ).

merupakan satu organisasi politik yang mantap dan asas perjuangannya tidak akan berubah semata-mata dengan kemasukan beberapa orang “wakil” Dongjiaozong.<sup>17</sup>

Mereka juga gagal menyedari hakikat bahawa usaha bagi menyekat cita-cita perjuangan Melayu yang ditunjangi ketuanan dan hegemoni Melayu adalah terlalu sukar. Kegagalan *Sanjiehe* telah memberi satu pengalaman pahit kepada para pemimpin Donjiaozong dan ada antara mereka menganggap penyertaan politik kali itu merupakan satu tindakan yang “naive” dan masa belum matang lagi bagi mereka melibatkan secara langsung dalam politik negara ( Huazi Resource & Research Centre 1990 : 288 ).

Dengan kegagalan gagasan tersebut maka impian Dongjiaozong untuk merealisasikan perpaduan bangsa Cina demi menjadi satu kuasa politik yang utuh telah musnah sama sekali. Perpaduan yang dicanangkan Huatuan itu bertujuan mencapai kesamarataan hak bagi komuniti Cina di negara ini. Namun perjuangan tersebut yang bergerak atas landasan kepentingan komunal dan ditunjangi nasionalisme Cina itu nampaknya sekali lagi menemui kebuntuan.

Hakikat itu menunjukkan hegemoni Melayu yang diperkasakan dengan kekuasaan politik Melayu begitu sukar dikekangi. Kegagalan Gerakan Perpaduan, Gerakan Pengkorporatan, dan *Sanjiehe* merupakan manifestasi ketidakberkesanan

---

<sup>17</sup> Dalam hal ini MCA dan Gerakan ternyata lebih merasai pengalaman pahit dalam membela hak dan kepentingan kaum Cina menerusi kerangka BN. Pengalaman yang demikian lebih tepat diistilahkan sebagai “The agony of coalition”, satu ungkapan yang dikemukakan oleh Khoo ( 1995 ).

pendekatan politik dan ekonomi dalam mendepani hegemoni Melayu. Hal yang demikian telah mendorong pemimpin-pemimpin Huatuan menggunakan pendekatan yang berlainan dalam menghadapi kemelut penghakisan kebudayaan Cina. Perbincangan seterusnya berkokus kepada topik tersebut.

### **5.6 Gerakan Menyelamat dan Memandirikan Kebudayaan Mahua<sup>18</sup>**

Pembinaan negara-bangsa Malaysia berlandaskan ciri-ciri kemelayuan ternyata mendapat penegasan baru selepas Peristiwa 13 Mei. Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ( DKK ). Penggubalan DKK mengangkat kebudayaan Melayu sebagai teras kepada kebudayaan kebangsaan. Kecenderungan yang demikian merupakan natijah daripada manifestasi kebangkitan nasionalisme kebudayaan orang Melayu ( Abdul Ghapa 1995 : 7 ). Kebangkitan itu yang berpunca daripada rasa tergugat bangsa Melayu selepas terletusnya rusuhan kaum 1969 ingin melihat pencapaian cita-cita perjuangan budaya Melayu. Bagi mencapai matlamat tersebut, maka hegemoni budaya yang menekankan penguasaan dan paksaan dalam amalan budaya perlu direalisasikan seperti dapat dilihat dalam nukilan di bawah :

Proses asimilasi sebagai yang dikehendaki dalam usaha tersebut boleh melemahkan legitimasi pemerintah. Ini kerana, dengan mewujudkan hubungan simbiosis dengan nasionalisme kebudayaan Melayu itu, menyebabkan pemerintah dilihat sebagai pelopor kepada hegemoni nasionalisme tersebut. Keadaan ini menyebabkan

---

<sup>18</sup> Kebudayaan Mahua merupakan kebudayaan orang Cina di Malaysia. Walaupun inti patinya masih berteraskan kebudayaan Tionghua tetapi bentuk kebudayaan ini menunjukkan ciri-ciri kelainan natijah daripada proses adaptasi dan pembauran budaya yang berlaku ke atas kebudayaan Tionghua amalan orang Cina negara ini. Seperti juga sastera Mahua, bentuk kebudayaan ini masih dalam proses pembentukan namun dijangka ia bakal menunjukkan kedinamikan dan keunikian dalam perkembangannya.

pemerintah tidak lagi bersikap *neutral* dalam aktiviti-aktiviti pembinaan negara-bangsa.

( Ibid )

### **5.6.1 Penentangan Masyarakat Cina Terhadap DKK**

DKK yang mengenakan tiga prinsip asas pembentukan kebudayaan kebangsaan berlandaskan kebudayaan Melayu telah mendapat kritikan dan bantahan daripada masyarakat Cina. Mereka menuduh dasar itu lebih bersifat sentrik Melayu dan berkecenderungan membentuk asimilasi paksaan dengan menidakkannya pengamalan demokrasi budaya ( Kua 1985 : 3 ). Oleh itu pelaksanaan DKK sudah pasti bercanggah dengan idealisme perjuangan kebudayaan mereka yang berteraskan model kemajmukan budaya.

Rata-rata orang Cina berpendapat sebagai sebuah komuniti dalam negara majmuk, mereka mempunyai kebebasan dan hak untuk mengembangkan kebudayaan mereka. Pada tanggapan mereka kebebasan mengamalkan kebudayaan begitu penting kerana hak tersebut menentukan kelangsungan bangsa Cina di negara ini. Dalam keadaan ini maka pelaksanaan DKK yang cenderung kepada asimilasi telah mencetuskan satu perjuangan yang berterusan daripada kaum Cina :

Keprihatinan masyarakat Cina terhadap persoalan bahasa, pendidikan, dan kebudayaan Cina tetap ampuh sejak negara ini mencapai kemerdekaannya. Bahkan sepanjang waktu negara ini bergulat dengan persoalan pembinaan nasion dan cuba mewujudkan jati diri negara, yang berasaskan faktor sejarah dan keperibumian bangsa-bangsa Bumiputera negara ini, maka segigih itu pula masyarakat Cina terus mem-

pertahankan ciri-ciri keterasingan budaya bagi kaum mereka dengan mengemukakan kerangka majmuk yang “berbilang bahasa dan berbilang kebudayaan” .

( Ahmat Adam 1995 : 12 )

Penentangan masyarakat Cina terhadap DKK merupakan satu tugas yang rumit. Ini adalah kerana kerajaan telah menggunakan berbagai-bagi alat pemerintah dalam memastikan pencapaian matlamat DKK. Dalam hal ini kaum Cina terpaksa bergantung kepada Huatuan yang melakukan penggembangan usaha penentangan agar kontra-hegemoni dapat dilaksanakan. Perjuangan ke arah itu mendapat momentum dengan penganjuran Kongres Kebudayaan Cina di Pulau Pinang pada 27 Mac 1983.<sup>19</sup> Penganjuran kongres itu menandakan satu titik tolak baru yang amat penting dalam perjuangan kebudayaan Mahua di negara ini.

Kongres Kebudayaan Cina yang julung kali diadakan itu telah merintis jalan kepada kerjasama dan perpaduan antara Huatuan yang berlanjutan ke awal tahun 1990-an. Dalam pertemuan itu sebuah pertubuhan induk yang berperanan sebagai peneraju untuk seluruh masyarakat Cina, iaitu 15 Huatuan dibentuk. Berbagai-bagi Huatuan yang menghadiri kongres bersetuju untuk bergabung dan bernaung di bawah pertubuhan induk itu. Dengan perkembangan ini maka persatuan-persatuan Cina berjaya memecahkan kongkongan kesukuan yang selalu merintangi kerjasama antara

---

<sup>19</sup> Idea penganjuran kongres itu pada mulanya disarankan oleh Malaysian Chinese Cultural Society ( satu badan di bawah MCA ) dalam tahun 1982 yang bertujuan membincangkan penyerapan kebudayaan Cina ke dalam kebudayaan kebangsaan. Namun perkembangan seterusnya memperlihatkan penglibatan Huatuan dari seluruh Semenanjung, terutamanya DPCS dalam menjayakan kongres itu. Untuk maklumat terperinci tentang hal ini, lihat Huatuan Utama ( 1983 : 2-9 ).

Huatuan. Melalui pembentukan pertubuhan peneraju tersebut, matlamat perjuangan Huatuan dapat menjangkau kepentingan kesukuan atau kedaerahan. Matlamat bersama yang kini diperjuangkan 15 Huatuan ialah memastikan kelangsungan kebudayaan Mahua.

Penganjuran kongres itu sebenarnya berkait rapat dengan dilema kebudayaan yang dihadapi oleh komuniti Cina pada ketika itu. Hegemoni budaya Melayu yang dijelmakan dalam pelaksanaan DKK dikatakan menggugat kemandirian kebudayaan dan seterusnya identiti orang Cina di negara ini. Kekhuatiran dan kebimbangan ini menghantui jiwa orang Cina. Penganjuran kongres tersebut telah memperkasakan perasaan itu dan seterusnya berjaya menghasilkan satu Gerakan Kesedaran Kebudayaan di kalangan orang Cina ( Thock 1999 : 162 ; Yang 1995 : 261 ). Perkembangan ini menyaksikan komuniti Cina mula sedar bahawa mereka perlu bertindak secara kolektif demi memelihara kebudayaan mereka. Dengan kesedaran ini maka satu rentetan perjuangan yang bertemakan penentangan dan penyelamatan berlaku dalam masyarakat Cina dan berkekalan hingga awal tahun 1990-an.

Usaha-usaha penentangan orang Cina terhadap DKK mencapai kemuncaknya dalam Kongres Kebudayaan Cina itu. Para perwakilan yang berjumlah kira-kira 700 orang menolak 3 prinsip pembentukan DKK. Sebagai alternatifnya mereka menyarankan pembentukan DKK harus berasaskan model kemajmukan budaya dan pendirian ini dapat dilihat dalam deklarasi kongres tersebut :

1. Ciri-ciri asas kebudayaan kebangsaan negara ini ialah bentuk beraneka ragam, sistem nilai bersama serta corak tempatan,
2. Unsur-unsur terbaik dalam kebudayaan pelbagai kaum di negara ini adalah asas bagi kebudayaan kebangsaan,
3. Sains, demokrasi, pemerintahan undang-undang dan semangat cintakan negara ( patriotism ) adalah garis-garis panduan bagi usaha membina kebudayaan dan sistem nilai bersama,
4. Kebudayaan kebangsaan haruslah dibina berdasarkan prinsip kesamaan bagi semua kaum dan menerusi rundingan yang demokratik ; dalam proses pembinaan, hukum semula jadi bagi perkembangan kebudayaan itu harus diberi perhatian berat, dan tidak harus ada campur tangan atau gangguan yang terlalu banyak daripada mana-mana pihak,
5. Proses pembinaan kebudayaan kebangsaan adalah proses pembinaan sistem nilai bersama di mana interaksi berbagai-bagai kebudayaan berlaku, sehingga unsur yang terbaik termasuk unsur luhur kebudayaan asing diterima dan hampasnya dibuang, dan
6. Kerajaan harus memberikan perhatian, layanan, dan bantuan yang adil kepada semua kaum untuk mengembangkan kebudayaan mereka, serta secara giat mendorong interaksi antara kebudayaan-kebudayaan itu.

( Huatuan Utama 1983 : 158 )

### **5.6.2 Kesedaran dan Pemandirian Kebudayaan Mahua**

Kesedaran kebudayaan orang Cina yang dicetuskan dalam kongres kebudayaan itu terus memacu usaha perjuangan kebudayaan mereka supaya ia kekal lestari di negara ini. Kongres tersebut yang dianjurkan bagi meluluskan *Memorandum Bersama tentang Kebudayaan Kebangsaan* telah menyempurnakan tugasnya setelah menyerahkan memorandum itu kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan. Namun apabila Jawatankuasa Kerja Memorandum Kebudayaan Kebangsaan dibubarkan, sebuah lagi jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Kebudayaan Huatuan Seluruh Negara ( JKKHSN ) ditubuhkan di bawah tajaan 15

Huatuan pada 12 Disember 1984. Jawatankuasa baru itu dibentuk bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti kebudayaan agar Gerakan Kesedaran Kebudayaan dapat berkekalan. Penubuhan JKKHSN bermatlamatkan penrealisasian resolusi-resolusi<sup>20</sup> dan semangat Kongres Kebudayaan Cina serta memastikan obor kebudayaan yang dinyalakan itu tidak terpadam ( Hou 1998 : 71 ).

Perjuangan kebudayaan komuniti Cina yang bertujuan menyelamat dan memandirikan kebudayaan Mahua merupakan satu respons kepada hegemoni budaya Melayu. Hegemoni Melayu ini memperlihatkan peminggiran dan ancaman kepupusan kebudayaan Mahua. Keadaan ini sekali lagi mendorong kemunculan usaha dan pemerksaan kendiri yang terpaksa diambil oleh komuniti Cina bagi menangani dilema tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam satu kenyataan JKKHSN pada 4 Februari 1985 yang menyeru orang Cina agar melancarkan satu gerakan penyelamatan kendiri ( Thock 1999 : 178 ).

Usaha yang dilakukan JKKHSN untuk memperhebat kesedaran kebudayaan masyarakat Cina ialah menganjurkan Pesta Kebudayaan Cina Malaysia<sup>21</sup> pada setiap tahun mulai tahun 1984 dengan ditajui 15 Huatuan. Penganjuran pesta tersebut

---

<sup>20</sup> Sebanyak 8 resolusi telah diluluskan dalam Kongres Kebudayaan Cina. Antara yang penting ialah menyeru pihak Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan menitikberatkan pandangan dan pendirian masyarakat Cina terhadap DKK dan menerima memorandum DKK ( Resolusi 1 ). Komuniti Cina digesa mengkaji inti pati kebudayaan Cina dan melakukan proses penulenan terhadap kebudayaan serta menjalankan interaksi budaya antara kaum demi menyumbang kepada pembentukan DKK ( Resolusi 7 ). Manakala resolusi 8 pula menyarankan pembentukan Jawatankuasa Dana Kebudayaan bagi memperkasakan mutu kebudayaan orang Cina. Untuk maklumat lanjut, lihat Huatuan Utama ( 1983 : 38-39 ).

<sup>21</sup> Nama asal pesta itu ialah Pesta Kebudayaan Huatuan. Penubuhan Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia dalam tahun 1991 memperlihatkan pertubuhan itu menukar nama tersebut kepada Pesta Kebudayaan Cina Malaysia pada tahun berikutnya.

melibatkan Dewan Perhimpunan Cina ( DPC ) di semua negeri dengan DPC-DPC bergilir-gilir menjadi tuan rumah kepada pesta itu. Penganjuran pesta kebudayaan itu bertujuan memperingati Kongres Kebudayaan Cina dan merealisasikan matlamatnya serta berhasrat mempererat hubungan antara Huatuan.

Penaja pesta itu, 15 Huatuan turut mengambil keputusan menetapkan Sabtu yang akhir bagi bulan Mac setiap tahun ( sempena mengingati Kongres Kebudayaan Cina yang berlangsung pada 27.3.1983 ) sebagai hari mengibarkan bendera Pesta Kebudayaan Cina Malaysia yang menandakan permulaan sambutan pesta tersebut ( Yang 1995 : 261 ). Selain itu obor kebudayaan yang dinyalakan di Bukit China<sup>22</sup>, Melaka setiap tahun akan dihantar ke negeri tuan rumah sebelum sambutan pesta bermula. Kedua-dua upacara ini mencerminkan keiltizaman kaum Cina dalam mempertahankan kebudayaan mereka.

Memandangkan penganjuran Pesta Kebudayaan Cina Malaysia memerlukan penggembangan usaha yang bersepada daripada banyak pihak dan kepakaran dalam persempahan, maka JKHSN menujuhkan Jawatankuasa Perundingan dan Bimbingan Pesta Kebudayaan pada tahun 1986 bagi mengendalikannya secara penting itu. Dalam pada itu resolusi Kongres Kebudayaan Cina yang mengesyorkan pembentukan satu dana kebudayaan turut direalisasikan dalam tahun 1988.

---

<sup>22</sup> Dalam hal ini Bukit China dipilih memandangkan tempat itu telah menjadi simbol sejarah bagi kedatangan dan pemastautinan orang Cina di negara ini. Bukit China yang menempatkan banyak kubur nenek-moyang kaum Cina juga merupakan warisan sejarah yang memiliki nilai kebudayaan dan keagamaan bagi orang Cina.

Usaha-usaha padu ini menyebabkan pesta itu dianjur dengan penuh bermakna dan penganjurannya tidak pernah terputus sejak tahun 1984 hingga ke masa kini. Penganjuran pesta itu berpunca daripada dilema kebudayaan Mahua menyaksikan pemerkasaan kebudayaan orang Cina itu mendapat tumpuan khusus pihak penganjur. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui penetapan tema pesta yang menjurus ke arah itu oleh pihak penganjur :

Jadual 5.6 : Tema dan Penganjur Pesta Kebudayaan Cina Malaysia

Tahun	Penganjur	Tema Pesta
1984	DPC Selangor	Memperkaya Kebudayaan Kebangsaan Melalui Pesta Kebudayaan
1985	DPC P. Pinang	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1986	DPC Perak	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1987	DPC Kelantan	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1988	Gabungan Persatuan China Negeri Johor	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1989	DPC Melaka	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1990	DPC N. Sembilan	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1991	DPC Terengganu	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1992	Gabungan Persatuan China Pahang	Mewarisi Khazanah Demi Merintis Hala Tuju Baru
1993	DPC Kedah	Mewarisi Secara Menegak Berinteraksi Secara Mendatar
1994	DPC Selangor	Memperkaya Kebudayaan Kebangsaan Melangkah ke Alaf 21
1995	DPC Sabah	Meningkatkan Inti Pati Kebudayaan Orang Cina , Mendepani Cabaran Wawasan 2020
1996	Pengabungan Persatuan Cina Sarawak	Mengembangkan Kebudayaan Mahua
1997	DPC P. Pinang	Mewarisi dan Pengembangan Demi Keharmonian
1998	DPC Perak	Mengembangkan Kebudayaan Mahua

Sumber : GPCM ( 1998 : 87-89 )

Penganjuran Pesta Kebudayaan Cina Malaysia yang bertunjangkan penyelamatan kebudayaan orang Cina memperlihatkan berbagai-bagai kegiatan kebudayaan tradisional Cina dicungkil dan diperhebat persembahannya dan amalan dalam kehidupan harian. Antaranya ialah orkestra Cina, kaligrafi, wushu, minuman teh Cina, tarian tradisional Cina, gendang 24, dan *Cunlian* ( penulisan kaligrafi sempena Tahun Baru Cina ). Walaupun kegiatan-kegiatan ini lebih bersifat persembahan<sup>23</sup>, namun penganjurannya telah berjaya mencetuskan satu gelombang kesedaran kebudayaan di kalangan masyarakat Cina massa di Malaysia dalam dekad 80-an.

Dalam keadaan ini maka apresiasi terhadap kebudayaan tradisional Cina tidak lagi terbatas kepada golongan tua. Malah penuntut-penuntut di universiti dan kolej telah turut melibatkan diri dengan aktif dalam mempromosikan kegiatan tersebut menerusi penganjuran pelbagai pameran dan persembahan kebudayaan dalam tempoh masa itu. Kesedaran kebudayaan ini juga menyebabkan perayaan tradisional Cina seperti Perayaan Kuih Bulan, Perayaan *Duanwu*, dan Perayaan *Phor Tor* ( Perayaan Hantu ) disambut secara besar-besaran dan meriah oleh kaum Cina.

Selain itu saranan Ghazali Shafie selaku Menteri Dalam Negeri pada tahun 1979 supaya tarian singa diubah kepada tarian harimau dengan irungan muzik dari gong, nafiri, dan gamelan turut menjadi punca yang memperkasakan kesedaran kebudayaan kaum Cina. Menteri itu menganggap tarian singa sebagai budaya bawaan

---

<sup>23</sup> Kebanyakan sarjana keturunan Cina di negara ini berpendapat kegiatan-kegiatan itu lebih merupakan kebudayaan persembahan dan bentuk ini tidak menampilkan budaya taraf tinggi yang memiliki inti pati yang dapat dibanggakan. Walau bagaimanapun memandangkan kebudayaan Mahua masih dalam proses pembentukan maka tahap-tahap ini perlu dilalui sebelum tahap kematangan dan pemantapan dalam kebudayaan dapat dicapai.

dari negara China dan oleh itu tidak sesuai dengan keadaan negara ini. Saranan tersebut telah menimbulkan reaksi dan bantahan yang hebat di kalangan orang Cina. Mereka berpendapat cadangan itu memalukan bangsa Cina di Malaysia dan hal yang demikian mencetuskan penentangan dan pemerkasaan kendiri. Kecenderungan ini berlaku kerana isu itu disinonimkan dengan ancaman kepupusan kebudayaan orang Cina. Perkembangan ini menyaksikan gerakan penyelamatan kebudayaan Cina memuncak pada waktu itu. Dalam keadaan ini maka tarian singa menjadi simbol kelangsungan kebudayaan orang Cina dan oleh itu amat dipentingkan dalam pelbagai acara sambutan.

### **5.6.3 Pengukuhan Perjuangan Pendidikan Cina**

Dalam pada itu gerakan pendidikan Cina pula menampilkan satu kuasa kebudayaan yang signifikan. Pendidikan Cina dianggap oleh komuniti Cina sebagai asas kepada kesinambungan kebudayaan orang Cina. Hal ini menyebabkan pendidikan Cina selalu diperjuangkan berhabis-habisan oleh para tokoh pendidikan Cina. Tokoh pejuang yang amat penting dan disanjungi oleh komuniti Cina ialah Lim Lian Geok.<sup>24</sup> Tokoh ini yang meninggal pada 18 Disember 1985 telah meninggalkan satu legasi dan model perjuangan yang unggul bagi para pejuang dan aktivis pendidikan Cina. Kegigihan dan sumbangannya dapat dilihat dalam nukilan di bawah :

Lim Lian Geok ialah seorang pejuang kebudayaan yang unggul, ahli pendidik yang cemerlang. Beliau bertungkus-lumus dan menghabiskan seluruh hayat dalam pendidikan Cina ; demi mempertahankan

---

<sup>24</sup> Tokoh ini yang mengetuai pertubuhan Jiaozong telah menentang Akta Pelajaran 1961 dengan lantang dan akibatnya hak kerakyatan dan lesen gurunya telah ditarik balik oleh kerajaan. Selepas hilang pekerjaannya tokoh ini hidup dalam kedaifan sehingga hujung hayatnya.

pendidikan bangsa, beliau melakukan pengorbanan yang amat besar ; demi mempertahankan kepentingan sekolah Cina, beliau rela berkorban, oleh itu kita menyanjunginya dan perlu meneladani semangatnya.

( Lim 1999 : 135 )

Usaha untuk memperingati dan menghargai jasa tokoh itu mula diusahakan oleh para pemimpin gerakan pendidikan Cina sejurus selepas kematiannya. Legasi perjuangannya turut digunakan sebagai sumber terbaik bagi mewacanakan perjuangan pendidikan Cina atau kebudayaan Cina ( Hou 1998 : 65 ). Hal yang demikian menyaksikan Lim Lian Geok dimartabatkan sebagai *zuhun*<sup>25</sup> atau Jiwa Bangsa yang menunjukkan betapa pentingnya tokoh itu dalam kelangsungan hidup bangsa Cina di negara ini. Malah tokoh itu turut dianggap sebagai leluhur bersama masyarakat Cina di negara ini ( Lim 1999 : 136 ). Dalam keadaan ini maka satu siri usaha dijalankan bagi menzahirkan ketokohan pejuang itu. 15 Huatuan yang dianggotai oleh Dongjiaozong telah membuat keputusan menubhukan Yayasan Lim Lian Geok dalam tahun 1986 bagi menyebarluaskan semangat dan hasrat memperjuangkan kesamarataan hak tokoh itu kepada orang ramai di negara ini ( Yayasan Lim Lian Geok 1995 : 97 ). Yayasan itu mendapat sambutan yang memberangsangkan dan dalam tempoh satu tahun dana yang berjumlah satu juta telah berjaya dikumpulkan.

Selanjutnya Jawatankuasa Yayasan Lim Lian Geok dalam satu mesyuarat pada 17 Oktober 1987 membuat keputusan menganjurkan *Huajiaojie* ( Perayaan Pendidikan Cina ) pada hari kematian tokoh pejuang itu. Penganjuran perayaan itu

---

<sup>25</sup> Untuk huraian dan penggunaan yang terperinci tentang istilah ini, lihat Lim ( 1999 : 130-143 ).

setiap tahun bertujuan merealisasikan semangat Lim Lian Geok dalam memperjuangkan pendidikan Cina, mengembangkan kebudayaan Tionghua, dan menghargai jasa para aktivis pendidikan Cina yang mengamalkan semangat tokoh itu agar tenaga pelapis dapat dipupuk ( Dongzong 1993 : 67 ). Sambutan *Huajiaoje* dimulakan sejak tahun 1988 dan acara perayaan itu merangkumi :

1. Pemujaan di kubur tokoh itu,
2. Membaca Deklarasi *Huajiaoje*,
3. Penyampaian Anugerah Semangat Lim Lian Geok, dan
4. Menganjurkan seminar pendidikan Cina.

Huraian di atas jelas menunjukkan dilema kebudayaan yang dihadapi oleh komuniti Cina akibat daripada hegemoni budaya Melayu yang memaksa orang Cina merespons kepada kemelut itu. Tanpa perlindungan dan bantuan kerajaan, orang Cina hanya bisa bergantung kepada usaha sendiri untuk membangun dan mengembangkan kebudayaan mereka. Gugatan kepupusan kebudayaan orang Cina telah membentuk suatu keiltizaman dalam jiwa kaum Cina bagi mempertahankan kebudayaan mereka.

Keadaan ini merangsang pertumbuhan dan perkembangan kebudayaan Mahua yang rancak dan luar biasa dalam dekad 80-an. Fenomena ini merupakan kontra-hegemoni yang terhasil natijah daripada hirmpitan dasar-dasar kebudayaan kerajaan. Dalam hal ini kerancakan kaum Cina menyambut pelbagai aktiviti dan perayaan kebudayaan seolah-olah memanifestasikan satu hakikat bahawa mereka sedang mengamalkan kebudayaan kebangsaan menurut acuan mereka ( Hou 1998 : 57 ).

Kerancakan perkembangan kebudayaan Mahua dalam tahun 80-an menampilkan nafas baru kepadanya. Dalam keadaan ini berbagai-bagi bentuk dan acara kebudayaan tradisional Cina dicungkil dan diberi makna dan pengolahan baru dalam konteks negara ini. Malah perjuangan pendidikan Cina turut diwacana semula dengan mewujudkan *zuhun* sebagai teras dan model perjuangan. Semua fenomena ini boleh dianggap sebagai satu proses perekaan tradisi ( Invented Tradition )<sup>26</sup> yang diadaptasi bagi menghadapi persekitaran budaya yang baru ( Lim 1999 : 153 ). Dalam hal ini komuniti Cina ternyata menempa kejayaan yang boleh dibanggakan. Ini adalah kerana mereka berjaya membentuk satu tradisi tempatan yang mantap dan tegar untuk mendepani gugatan yang diajukan oleh tradisi pemerintah. Kemandirian dan kecergasan budaya ( cultural resilience ) yang ditunjukkan oleh kebudayaan Mahua membuktikan hakikat ini.

### **5.7 Rumusan**

Hegemoni Melayu yang ditunjangi nasionalisme Melayu dalam tahun 70-an dan 80-an telah menyumbang kepada penghakisan hak dan kepentingan masyarakat Cina. Dilema kaum Cina yang terbentuk akibat daripada kehegemonian ini mendorong mereka turut merespons dalam landasan komunal. Dari perbincangan di atas kita dapat melihat perpaduan orang Cina yang dicanangkan sama ada oleh Huatuan ataupun MCA sebenarnya mensasarkan arah penentangan mereka kepada hegemoni Melayu. Malangnya seperti kata Tan Chee Beng ( 1987 ), nasionalisme komunal sesuatu kaum akan merangsang pemuncakkan nasionalisme kaum yang lain, maka

---

<sup>26</sup> Hobsbawm ( 1983 ) telah memperkenalkan istilah ini dalam kajiannya, sarjana tersebut berpendapat bahawa sesuatu upacara atau ritual yang nampaknya mempunyai sejarah yang lama sebenarnya adalah rekaan baru yang dibuat untuk mencapai tujuan atau kepentingan tertentu.

peningkatan nasionalisme Melayu dalam tahun 1970-an telah membawa kepada perjuangan bagi mencapai perpaduan orang Cina yang didasari nasionalisme Cina, dan keadaan ini telah mengundang pula respons dan penentangan yang lebih agresif daripada kaum Melayu. Kecenderungan ini merupakan satu kesan “spiral”.

Dengan kekuasaan politik yang dimiliki orang Melayu selepas tahun 1969, sudah tentu persaingan dan pertentangan tersebut memihak kepada mereka. Hal yang demikian menyaksikan pelbagai respons dan strategi perjuangan Huatuan seperti Gerakan Perpaduan Orang Cina, Gerakan Pengkorporatan, dan *Sanjiehe* menemui kegagalan. Manakala hanya Gerakan Menyelamat dan Memandirikan Kebudayaan Mahua yang bergantung kepada kekuatan tradisi tempatan komuniti Cina masih diteruskan lagi. Respons-respons yang bersifat komunal ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia masih kekurangan interaksi, pemahaman dan dialog antara kaum yang sangat diperlukan untuk memecahkan dominasi politik komunal di negara ini.

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa perjuangan Huatuan dengan berlandaskan slogan perpaduan bangsa Cina tidak membawa manfaat yang diharapkan. Pengalaman pahit ini memberi iktibar kepada para pemimpin Huatuan dalam mencari jalan keluar yang lain bagi mendepani hegemoni Melayu dalam era seterusnya. Ternyata mereka tidak akan melakukan perjuangan berlandaskan tuntutan komunal lagi dan bab yang seterusnya mengupas arah perjuangan yang lebih bermakna ini.